



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	26/1/2017	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	JPS / BANJIR		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

## Mangsa banjir terima lawatan Permaisuri Johor

**KOTA TINGGI** - Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah semalam berkenan melawat mangsa banjir di pusat pemindahan Dewan Serbaguna Kota Kecil di sini.

Baginda bersama isteri Tunku Mahkota Johor, Che Puan Khaleeda Bustamam tiba pada pukul 12.15 tengah hari.

Baginda kemudian meluangkan masa bertemu dan bersalaman dengan mangsa-mangsa banjir dan melihat kakitangan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Kota Tinggi melakukan pemeriksaan kesihatan.

Baginda juga meluangkan masa melawat ruang dapur yang

disediakan dalam dewan itu bagi melihat secara dekat sajian yang disediakan sukarelawan bagi makan tengah hari.

Raja Zarith Sofiah turut menyerahkan kira-kira 700 kit makanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri kepada mangsa-mangsa terlibat.

Sehingga petang semalam, seramai 825 mangsa banjir terdiri daripada 119 keluarga ditempatkan di dewan terbabit.

Sementara itu, kakitangan JKJ turut merangka pelbagai aktiviti untuk mangsa banjir bagi mengisi masa lapang selain mengurangkan tekanan mereka sepanjang berada di pusat pe-

mindahan.

Menurut seorang daripada pegawai terlibat, Siti Maisarah Abdul Hamid, antara aktiviti diadakan seperti acara mewarna, bermain congkak, dadu dan teng-teng bagi kanak-kanak.

Bagi golongan dewasa, mereka turut menyediakan sokongan psikologi bagi menghilangkan rasa trauma akibat kejadian bencana ini.

"Melalui sesi intervensi, kami percaya mangsa sekurang-kurangnya boleh meluahkan perasaan yang terbuku, sekali gus tidaklah menyebabkan mereka berasa susah hati sepanjang masa," katanya.



RAJA Zarith Sofiah (tengah) diiringi Che Puan Khaleeda (kiri) melawat mangsa banjir di pusat pemindahan Dewan Serbaguna Kota Kecil di Kota Tinggi semalam.

Mangsa dipindahkan di Pahang bertambah, Terengganu kembali dilanda bah

## 9 negeri terjejas banjir

**KUALA LUMPUR** - Gelombang kedua banjir yang memasuki hari kelima semalam menyaksikan lapan buah negeri masih terjejas termasuk Terengganu yang dilanda bah sekali lagi selepas air surut Ahad lalu.

Jumlah mangsa banjir di Pahang meningkat sementara penduduk yang dipindahkan berkurangan di Johor, Perak, Sabah, Kelantan, Selangor dan Sarawak.

Bagaimanapun di Negeri Sembilan hanya daerah Gemas yang terjejas tetapi jumlah mangsa yang dipindahkan kecil.

**Di Johor**, seramai 8,009 orang di lapan daerah di negeri ini terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan setelah rumah mereka dinaiki air.

Daerah Segamat mencatatkan mangsa paling tinggi iaitu 7,113 orang membabitkan 2,129 keluarga.

Tujuh daerah lain yang terjejas banjir ialah Tangkak, Kota Tinggi, Kluang, Mersing, Muar, Johor Bahru dan Batu Pahat.

**Di Pahang**, seramai 5,207 mangsa banjir dipindahkan di tujuh daerah melibatkan 1,353 keluarga dengan jumlah pusat pemindahan bertambah kepada 71 buah.

Maran mencatatkan jumlah mangsa paling tinggi dengan 1,156 orang diikuti Kuantan (909) dan Lipis (658).

Daerah lain terjejas ialah Jerantut, Raub, Pekan dan Rompin.

Sebanyak 23 jalan ditutup kepada semua kenderaan manakala tujuh jalan lagi ditutup kepada kenderaan ringan kerana dinaiki air.

Antaranya ialah Jalan Kerambit-Limau Purut-Mela, Jalan Bukit Kota-Aur Gading, Jalan Bukit Betong-Kg Kepong dan Jalan Lipis-Jerantut.

**Di Perak**, daerah yang dilanda banjir ialah Manjung, Larut Matang dan Selama, Hilir Perak, Perak Tengah dan Kinta melibatkan seramai 525 mangsa dipindahkan.

**Di Kelantan**, bencana banjir yang beransur pulih kelmarin bertukar sebaliknya apabila jumlah mangsa dipindahkan di negeri ini meningkat seramai 584 orang semalam.

Hujan lebat sejak tiga hari lalu menyebabkan Gua Musang menjadi daerah baharu dilanda banjir apabila lebih 20 keluarga dari Kampung Limau Kasturi terpaksa dipindahkan berikutan kawasan tersebut mula dinaiki air.

Seramai 12 murid Orang Asli, 10 guru serta kakitangan Sekolah Kebangsaan Pasir Linggi di Pos Lebir; Gua Musang yang terkandas akibat banjir pula terpaksa diselamatkan dan dibawa ke Kampung Aring 5 dan Kuala Koh.

Daerah lain yang masih dilanda banjir

ialah Kuala Krai, Kota Bharu, Pasir Mas dan Pasir Puteh.

**Di Terengganu**, tiga kawasan di daerah Dungun kembali dilanda banjir kilat semalam melibatkan 106 penduduk dipindahkan iaitu kira-kira 24 jam selepas negeri ini diisytiharkan pulih banjir kelmarin.

Tiga kawasan terjejas ialah Kampung Pasir Raja, Kampung Syukor dan Kampung Durian Mentagau akibat limpahan Sungai Paka.

**Di Selangor**, sebanyak 320 mangsa banjir ditempatkan di dua pusat pemindahan di Dewan Sri Bernam dan Dewan Parit Baru di Sabak Bernam semalam.

**Di Negeri Sembilan**, seramai 127 mangsa banjir di Taman Sungai Gemas ditempatkan di pusat pemindahan di Dewan Besar Gemas.

**Di Sabah**, mangsa banjir di Pitas dan Beluran menurun kepada 624 orang.

Semalam, sebuah helikopter milik polis terpaksa digunakan bagi menghantar 400 bungkus bekalan makanan kepada mangsa yang terputus hubungan di Pitas akibat banjir.

**Di Sarawak**, seramai 48 penduduk dipindahkan berikutan banjir yang melanda beberapa kawasan di Sibul, Miri, Bintulu dan Serian.

## INFO

Banjir (setakat pukul 9 malam semalam)

**Johor:** 8,009 mangsa dipindahkan  
**Pahang:** 5,207 mangsa dipindahkan  
**Sabah:** 624 mangsa dipindahkan  
**Kelantan:** 584 mangsa dipindahkan  
**Perak:** 525 mangsa dipindahkan  
**Selangor:** 320 mangsa dipindahkan  
**Terengganu:** 106 mangsa dipindahkan  
**Negeri Sembilan:** 127 mangsa dipindahkan  
**Sarawak:** 48 mangsa dipindahkan

## Sekolah ditutup:

Di Kelantan sebanyak 22 sekolah ditutup melibatkan 5,622 pelajar manakala Pahang (16 sekolah dan 2,947 pelajar), Sarawak (13 sekolah dan 1,079 pelajar), Sabah (7 sekolah dan 1,112 pelajar) dan Johor (4 sekolah dan 339 pelajar)

## Jumlah kematian:

Enam kematian di Kelantan. Satu kematian di Terengganu, Pahang dan Johor.

## Nombor telefon maklumat banjir untuk dihubungi:

**Kelantan:** 09-7471 608  
**Terengganu:** 09-6534 743  
**Pahang:** 09-5151999  
**Perak:** 05-2545505  
**Melaka:** 06-2322120  
**Johor:** 07-221 0251/3980/3981  
**Sabah:** 088-488500  
**Sarawak:** 082-447000

## Agihan bantuan pusat pemindahan banjir ikut SOP ditetapkan



KAKITANGAN Klinik Kesihatan Gemas dan anggota Angkatan Pertahanan Awam membantu menyenduk makanan kepada mangsa banjir yang ditempatkan di Dewan Besar Gemas, Negeri Sembilan semalam.

**PUTRAJAYA** - Kesiapsiagaan jentera bantuan banjir yang dibentuk pada peringkat nasional, negeri, daerah dan di pusat pemindahan bagi menghadapi gelombang kedua banjir ketika ini adalah mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (**gambar kecil**) yang juga pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara berkata, antara SOP tersebut adalah khemah di pusat pemindahan dan makanan yang berbeza berbanding pada musim

banjir yang lalu.

"Makanan yang akan disediakan tidak lagi seperti dahulu iaitu hanya mi segera dan sardin.

"Bagi memastikan perediaan kali ini adalah pada tahap optimum, agensi bantuan banjir mengambil pendekatan bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan beberapa agensi lain selain syarikat swasta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya pemberita di pejabatnya di sini semalam.

Ahmad Zahid turut menzahirkan rasa kluatir dengan fenomena gelombang kedua banjir kali ini apabila pantai barat Semenanjung turut berisiko dilanda banjir disebabkan angin yang bertiup dari arah timur laut melepasi Banjaran Titiwangsa selain terdapat tiupan angin dari arah barat laut.

Berdasarkan maklumat Jabatan Meteorologi, gelombang kedua banjir akan terjadi sepanjang Januari hingga Mac.

Selain negeri-negeri di pantai timur Semenanjung, gelombang kedua banjir turut melanda Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. - Bernama.